

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 25/06/2012
Hari: ISNIN M/S: 25
Ruangan: mySelatoh

Murid SMSAH ikuti bengkel kewartawanan, fotografi

LEBIH 100 pelajar Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (SMSAH) mengikuti bengkel kewartawanan selama sehari di sekolah itu di Jenan, Kedah baru-baru ini.

Guru Penasihat Kelab Kewartawanan SMSAH, Sakinah Abdan berkata, bengkel berkenaan mendedahkan peserta mengenai penulisan dalam akhbar terutama dalam melaporkan aktiviti persatuan dan kegiatan kokurikulum sekolah.

"Peserta bukan sahaja menunjukkan kesungguhan dalam bidang penulisan malah turut berminat mempelajari ilmu fotogra-

fi.

"Berdasarkan minat dan kesungguhan itu maka bengkel ini diadakan," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Pada bengkel itu, peserta didedahkan dengan dunia penulisan, berita, rencana dan rakaman gambar terbaik serta dibimbing cara menghasilkan buletin.

Menurut Sakinah, selepas tamat bengkel peserta akan dilantik sebagai wartawan dan jurugambar bagi membuat liputan program di sekolah tersebut.

Bengkel ini mendapat kerjasama daripada Alumni SMSAH dan Jabatan Canselori Universiti Utara Ma-

laysia (UUM).

Pengendali bengkel yang membimbing peserta mendalami ilmu fotografi dan penulisan ialah Sam-sudin Oli Mohamed daripada Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, UUM.

Sementara itu, Ketua Pengawas dan Kapten Ragbi sekolah ini, Mohd Nafis Abdul Khalid memberitahu, bengkel ini berupaya melahirkan pelajar yang berketerampilan dalam bidang kewartawanan.

"Jalinan kerjasama dengan UUM dalam merealisasikan bengkel kewartawanan ini amat bermanfaat dan memberi banyak kelebihan kepada sekolah," katanya.



PELAJAR SMSAH tekun mengikuti bengkel penulisan berita di sekolah itu di Jenan, Kedah, baru-baru ini.